

# 172,500 benih ikan dan udang dilepas ke perairan Sungai Perak

HM 14/10/23 M/S 41

**Lenggong:** Sebanyak 172,500 benih ikan dan udang bernilai RM57,310 dilepaskan ke perairan Sungai Perak di jeti nelayan Kampung Luat di sini bagi menambah stok perikanan dan memperkayakan sumber ikan asli.

Menteri Besar Datuk Seri Saarani Mohamad berkata antara benih ikan itu ialah 15,000 lampam, baung (12,500), terbul (50,000), kerai dan temoleh masing-masing 1,000

selain 93,000 ekor udang galah.

“Pelepasan benih ikan di perairan umum bertujuan memperkaya dan mengkalkan sumber perikanan di sungai serta memulihara khazanah warisan sungai.

“Jika sungai dipulihara dengan baik, maka ia mampu meningkatkan hasil pendapatan dan nilai sara diri termasuk kepada lebih 3,000 nelayan darat di Perak,” katanya.

Beliau berkata demikian berucap merasmikan Majlis Penyerahan Jeti Nelayan Darat Kampung Luat dan Program Pelepasan Benih Ikan Di Perairan Umum Serentak Seluruh Malaysia 2023 Peringkat Negeri Perak, semalam.

Saarani berkata setiap tahun, lebih dua juta ekor benih ikan dan udang pelbagai spesies bernilai lebih RM500,000 dilepaskan di perairan sungai di negeri ini.